

UCTC UPM bimbing graduan jadi usahawan menerusi Tradec



DR. NORDIN

SERDANG 27 Ogos - Program Cabaran Usahawan Dagang (Tradec) anjuran Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) Universiti Putra Malaysia (UPM) yang bermula sejak 22 Jun lalu berupaya melahirkan individu yang berpotensi dalam bidang perdagangan.

Pengarah UCTC UPM, Prof. Madya Dr. Nordin Abd. Rahman berkata, program itu bertujuan mendedahkan realiti cabaran dalam bidang keusahawanan melalui modul komprehensif perniagaan dagang.

Menurutnya, sasaran meningkatkan jaringan strategik antara mahasiswa atau belia universiti dengan industri melalui aktiviti perniagaan juga antara objektif utama program Tradec yang bakal berakhir Khamis ini.

“Sebanyak 15 peserta yang terdiri daripada graduan UPM dipilih mengikuti projek pertama itu dan mereka telah menjalani latihan sepenuh masa di samping menerima bimbingan usahawan-usahawan yang telah berjaya,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini

hari ini.

Tambah Nordin, pihaknya amat berharap agar program itu dapat diperkembang ke universiti lain bagi melahirkan lebih ramai graduan bergelar usahawan.

Katanya, usahawan berjaya tidak harus terikat dalam satu jenis perniagaan sahaja memandangkan bidang tersebut amat luas untuk diterokai.

“Tradec adalah satu ruang dan peluang untuk mereka mempelajari pelbagai tip dan berkongsi pengalaman

bersama usahawan ternama yang meliputi bidang pelancongan, pengurusan acara dan pertanian,” ujarnya.

Menurut Nordin, esok akan bermula sesi pembentangan dan penilaian terhadap 15 peserta itu, sebelum majlis penyampaian hadiah diadakan pada Khamis ini di Hotel Residence, Bangi.

“Pemenang akan menerima hadiah wang tunai dan dua pemenang utama akan dibawa ke China untuk mengikuti lawatan yang ditaja oleh seorang usahawan berjaya,” katanya.